




SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-UMMAH,
CHEPOR

MENGIRA DI HUJUNG JARI ANDA


(UNTUK PANDUAN GURU)

DISEDIAKAN OLEH
SYED MUHSIN BIN SYED ZAID

KIRA TAMBAH



Contoh 1: $3 + 4 =$



3 dalam kepala


4 pada jari

Bilang... 3 (dalam kepala), 4, 5, 6, 7 (pada jari).

Jawapannya ialah 7

Sebab itu, $3 + 4 = 7$

Contoh 2: $8 + 7 =$



8 dalam kepala

7 pada jari

Bilang... 8 (dalam kepala), 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 (pada jari).

Jawapannya ialah 15

Sebab itu, $8 + 7 = 15$

KIRA TOLAK

Contoh 1: $8 - 5 =$



5 dalam kepala



6, 7 dan 8 pada jari


bilangan jari
ialah 3

Bilang... 5 (dalam kepala); 6,7,dan 8 (pada jari). Bilangan jari yang terbuka ialah 3, Oleh itu jawapannya ialah 3.

Jawapan, $8 - 5 = 3$

KIRA DARAB KURANG DARI LIMA

Contoh : $3 \times 4 =$



Jari 1 kiri, menyentuh jari kanan dan bilang 1,2,3 dan 4.


Jari 2 kiri, menyentuh jari kanan dan bilang 5,6,7 dan 8.

Jari 3 kiri, menyentuh jari kanan dan bilang 9,10,11 dan 12.


Oleh itu jawapannya ialah 12.

Jawapan: $3 \times 4 = 12$

KIRA DARAB LEBIH DARI LIMA



Contoh : $7 \times 8 =$



Jari tertutup menunjukkan rumah puluh iaitu **5**.



Jari terbuka menunjukkan rumah sa iaitu nilainya **6**.

Jawapannya ialah **56**.

Jawapan: $7 \times 8 = 56$

Kes Sifir 6

Contoh : $6 \times 7 =$



Jari tertutup menunjukkan rumah puluh iaitu **3**.

Jari terbuka yang disentuj menunjukkan **12**.

Jawapannya ialah $30 + 12 = 42$.


Jawapan: $6 \times 7 = 42$

Peringatan: Perkara yang sama bagi 6×6 dan 5×6 .

KIRA BAHAGI

UNTUK PEMBAHAGI KURANG DARI LIMA

Contoh : $12 \div 4 =$




4 jari kiri mewakili pembahagi.

Keempat-empat jari kiri menyentuh jari pertama kanan dan kira 1,2,3 dan 4; kemudian menyentuh jari ke-2 kanan dan kira 5,6,7 dan 8; dan seterusnya menyentuh jari ke-3 kanan dan kira 9,10,11 dan 12. Berhenti apabila angkanya sama dengan angka yang dibahagi.

Oleh itu $12 \div 4 = 3$ iaitu bilangan jari kanan yang disentuh.

Jawapan : $12 \div 4 = 3$

Contoh : $27 \div 3 =$




3 jari kiri mewakili pembahagi.

Ketiga-tiga jari kiri menyentuh jari pertama kanan dan kira 1,2,dan 3 ; kemudian menyentuh jari ke-2 kanan dan kira 4,5 dan 6; dan seterusnya menyentuh jari ke3,4 dan 5 kanan dan kemudian terbalikkan tapak tangan , jari pertama dikira sebagai jari ke-6 dan seterusnya. Berhenti apabila angkanya sama dengan angka yang dibahagi.

Oleh itu $27 \div 3 = 9$ iaitu bilangan jari kanan yang disentuh.

Jawapan : $27 \div 3 = 9$

Contoh : $56 \div 7 =$



jari kiri mewakili pembahagi.

Setkan jari-jari pada tapak tangan kiri supaya menjadi angka 7., iaitu 2 jari tertutup.

Tutupkan 3 jari kanan supaya rumah puluh menjadi 5.


Jari yang terbuka jika disentuh secara bergilir menunjukkan angka 6, iaitu nilai rumah sa.

tapak tangan kanan menunjukkan angka 8.

Oleh itu $56 \div 7 = 8$ iaitu bilangan jari kanan yang disentuh.

Jawapan : $56 \div 7 = 8$

Contoh : $72 \div 8 =$



jari kiri mewakili pembahagi.

Setkan jari-jari pada tapak tangan kiri supaya menjadi angka 8., iaitu 3 jari tertutup.

Tutupkan 4 jari kanan supaya rumah puluh menjadi 7.

Jari yang terbuka jika disentuh secara bergilir menunjukkan angka 2, iaitu nilai rumah sa.

tapak tangan kanan menunjukkan angka 9.

Oleh itu $72 \div 8 = 9$ iaitu bilangan jari kanan yang disentuh.

Jawapan : $72 \div 8 = 9$

Peringatan: Kaedah ini tidak sesuai untuk $30 \div 6$, $36 \div 6$ dan $42 \div 6$. Jari kiri menunjukkan angka 6, jari kanan menunjukkan angka 5, 6 dan 7. Jari tertutup menunjukkan 1,2 dan 3. Sentuhan jari terbuka menunjukkan 20, 16 dan 12.